

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KOPERASI WANITA**

**PAHANG BERHAD KALI KE-28 TAHUN
2022**

28 OGOS 2022 (AHAD)

11:00 PAGI

**DEWAN BAKAWALI, BANGUNAN
LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN
ISLAM MALAYSIA (LKPIM)**

LOT 4351, JALAN TELUK SISEK, KUANTAN

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN OLEH URUSETIA]

Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang Dihormati
Sekalian

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah rahmat dan izinNya, pada hari ini dapat saya bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wanita Pahang Berhad Kali ke-28 Tahun 2022.**

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada barisan Lembaga koperasi atas undangan kepada saya untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan ini. Tahniah dan syabas juga kerana telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi mengadakan Mesyuarat Agung

Tahunan ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Golongan wanita merupakan separuh daripada populasi tenaga kerja dunia. Menurut laporan *McKinsey*

Global Institute pada tahun 2021, ekonomi global akan terjejas sekiranya golongan wanita tidak dapat menggunakan sepenuhnya potensi ekonomi mereka.

4. Di Malaysia, sekiranya sumbangan wanita dalam

pembangunan negara dikecualikan, bermakna tenaga kerja negara ini akan kurang mendadak kerana hampir **36 %** daripada tenaga kerja di negara ini terdiri daripada golongan wanita.

5. Wanita adalah pelengkap golongan lelaki dalam bidang sosioekonomi. Stigma yang mengehadkan peranan wanita dalam bidang-bidang tertentu sudah tidak relevan. Mentaliti yang menyekat penglibatan aktif wanita dalam bidang profesional harus dikikis kerana

sesungguhnya wanita mempunyai sifat tekun, gigih, berdaya saing dan bertanggungjawab.

6. Penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam pelbagai bidang masih kurang diberikan perhatian terutamanya di sektor

swasta. Menurut perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam sektor swasta hanya **25.8%** berbanding sasaran **30%**.

7. Senario ini juga berlaku dalam gerakan koperasi. Penglibatan wanita sebagai Anggota Lembaga dan pembuat keputusan, kurang menggalakkan, sekitar dua/tiga peratus sahaja. Penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan, hanyalah dalam koperasi wanita, ibu

tunggal, koperasi keluarga dan lain-lain koperasi yang sinonim dengan wanita.

8. Oleh itu, ANGKASA sentiasa mengalu-alukan penglibatan wanita dalam koperasi selain berani untuk bergerak ke hadapan menonjolkan diri

agar dipilih sebagai pembuat keputusan kerana pemimpin wanita lebih memahami kehendak dan keperluan wanita dalam meningkatkan taraf hidup dan pendapatan wanita.

9. ANGKASA juga menyarankan koperasi wanita di negara ini untuk bergabung kerana kebanyakan koperasi wanita mempunyai fungsi yang sama. Melalui penggabungan, koperasi wanita akan lebih besar dan kuat.

10. ANGKASA sebagai badan puncak yang menerajui gerakan koperasi Malaysia menerusi Bahagian Wanita dan Komuniti, sentiasa mengambil inisiatif untuk membantu melahirkan lebih ramai koperator wanita yang berjaya dalam perniagaan dan mampu membantu

negara dalam menjana peluang pekerjaan di masa hadapan tanpa menjejaskan peranannya sebagai isteri dan ibu.

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Mengikut statistik SKM sehingga

tahun 2021, terdapat **273 buah koperasi** dari kalangan wanita dan ibu tunggal dengan keanggotaan seramai **29,761 orang**. Modal syer pula berjumlah **RM18.63 juta** dan aset sebanyak **RM77.75 juta** yang menjana perolehan sehingga **RM16.74 juta**.

12. Walaupun kecil, jumlah ini tetap signifikan dan menunjukkan golongan wanita kekal memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sama ada sebagai pengguna mahupun tenaga kerja sektor koperasi. Oleh itu, pembabitan wanita dalam koperasi

perlu diperkasakan melalui pelbagai aktiviti yang dapat menjana pendapatan seterusnya memastikan koperator wanita terus berdaya saing.

13. Bagi memastikan pembangunan perniagaan yang lestari, koperasi perlu mempunyai sistem tadbir urus yang

baik. Pengurusan koperasi ini perlu memantapkan kerangka tadbir urus sedia ada bagi memastikan perjalanan pengurusan dengan lancar. Koperasi harus mengubah paradigma ke arah pembangunan koperasi secara holistik dengan tadbir urus yang cekap, telus,

mengutamakan akauntabiliti dan berwibawa.

14. Barisan Anggota Lembaga dan pengurus koperasi perlu sentiasa memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan dan

teknologi terkini mengenai bidang perniagaan, industri dan hal-hal berkaitan yang boleh membantu memajukan koperasi.

15. Koperasi juga digalakkan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan

pembangunan wanita seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi.

16. Banyak projek perniagaan berimpak tinggi yang boleh disertai oleh koperasi wanita. ANGKASA sentiasa membuka peluang kepada koperasi-koperasi yang berpotensi untuk terlibat dalam jaringan perniagaan.

17. Ini selaras dengan tanggungjawab ANGKASA yang telah dipersetujui dalam Aspirasi Koperasi Malaysia, iaitu berperanan merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi dengan mengenal pasti dan memajukan bidang perniagaan baharu,

membangun dan memperkuat
perniagaan sedia ada.

18. Akhir ucapan, saya mendoakan
semoga Mesyuarat Agung Tahunan
kali ini akan berlangsung dengan
lancar dan dipermudahkan segala
urusan. Diharap agar anggota dapat

memainkan peranan yang aktif, terbuka minda serta saling berkongsi pandangan bagi kejayaan koperasi agar terus cemerlang pada masa-masa akan datang.

Dengan
Bismillahirrahmaanirrahim,

lafaz
saya

dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wanita Pahang Berhad Kali ke-28 Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.